KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | KOSMO | | | |
| TARIKH | : | 2/11/2021 (SELASA) | MUKA SURAT | : | 22 |
| JABATAN | : | JAB.PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN | | | |



Varia

## Trek 'kejam' Gunung Datuk tarikan pendaki

Oleh NOR AINNA HAMZAH

WALAUPUN dianggap sedikit 'kejam', trek dengan kecondongan 80 hingga 90 darjah bagi pendakian Gunung Datuk di daerah beradat ini tetap menjadi tumpuan penggemar aktiviti pendakian.

Gunung Datuk merupakan puncak tertinggi di daerah Rembau, Negeri Sembilan dengan ketinggian 884 meter dari aras laut, menjadi lokasi riadah bagi mereka yang gemar aktiviti mendaki.

Tidak kurang juga ada yang menjadikan laluan ini sebagai lokasi latihan pada setiap minggu sebelum menawan puncak tertinggi di Asia Tenggara, Gunung Kinabalu dan juga gunung tertinggi di dunia, Everest.

Mengambil masa sekitar dua hingga tiga jam untuk sampai ke puncak, kebanyakan orang gemar mendaki pada awal pagi untuk melihat matahari terbit.

Antara cabaran di trek gunung ini adalah mendaki dicelah batu-batu besar, selain bongkah batu besar yang perlu ditempuh sebelum sampai ke puncak.

Sekiranya cuaca baik, pendaki boleh melihat kapal belayar di Selat Melaka dari puncak gunung berkenaan.

Di samping itu, Gunung Datuk turut menyimpan 1,001 kisah sejarah kerana di atas batu puncaknya dikatakan terdapat kesan tapak kaki Laksamana Hang Tuah.

Menurut Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Saleh Awahadin, sehingga 18 Oktober lalu, seramai 4,230 pengunjung dicatatkan mendaki Gunung Datuk bagi tahun ini.

"Jumlah pendaki yang agak rendah itu disebabkan pada tahun ini, Hutan Simpan Kekal Gunung Datuk ditutup bagi sebarang aktiviti pendakian susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Namun, sebaik sahaja diberikan kelonggaran bagi aktiviti pendakian, pada bulan Ogos sahaja seramai 430 individu telah mula mendaki Gunung Datuk.

"Jumlah itu semakin bertambah pada September lalu seramai 2,300 pendaki direkodkan dan pada 18 Oktober, seramai 1,300 orang berbuat demikian," katanya baru-baru ini.



PANORAMA indah luas terbentang dengan kehijauan alam sayup mata memandang menanti pendaki yang berjaya sampai di puncak Gunung Datuk.

> Bagi mereka yang gemar kepada pendakian ekstrem boleh melanjutkan pendakian melalui trek Trans Naning yang menghubungkan dua lagi gunung iaitu Gunung Rembau dan Gunung Gagak."



PENGUNJUNG diminta bersama-sama menjaga keindahan Gunung Datuk dengan menjaga kebersihan.



BONGKAH batu besar perlu ditempuh pendaki untuk sampai ke puncak Gunung Datuk.



CABARAN melepasi bongkah batu di pertengahan pendakian dirindui setiap pendaki tegar yang pernah ke sana.

Saleh berkata, gunung itu sering menjadi tumpuan penggemar aktiviti pendakian kerana pemandangan 360 darjah kawasan hutan dan perkampungan yang cukup cantik sekiranya pendaki berada di puncak.

Lebih menarik menurutnya, bagi mereka yang gemar kepada pendakian ekstrem, boleh melanjutkan pendakian melalui trek Trans Naning yang menghubungkan dua lagi gunung iaitu Gunung Rembau dan Gunung Gagak.

"Lokasi gunung ini yang strategik berhampiran Lembah Klang dan Melaka menjadikannya antara lokasi popular dikunjungi pendaki dari luar Negeri Sembilan.

Menurutnya, melihat potensi yang ada pada Gunung Datuk, pihaknya ada membuat beberapa perancangan untuk menaik taraf beberapa kemudahan di situ pada tahun hadapan.

"Bagaimanapun, ia masih di peringkat permohonan peruntukan melibatkan naik taraf kemudahan seperti chalet, trek pendakian serta menambah kapasiti tapak parkir.

"Kita juga merancang untuk membina tarikan baharu iaitu jambatan gantung," katanya.

Pendaki dinasihatkan untuk bersama-sama menjaga keindahan serta kecantikan Gunung Datuk.

"Selain mendapatkan permit masuk ke hutan dan mematuhi prosedur operasi standard, pendaki juga dinasihatkan menjaga kebersihan dan membawa keluar sampah sendiri," katanya.